



28 April 2015
28 April 2015
P.U. (A) 81

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (KADAR PERKHIDMATAN BEKALAN AIR) (NEGERI SEMBILAN) 2015

WATER SERVICES INDUSTRY (RATES FOR WATER SUPPLY SERVICES) (STATE OF NEGERI SEMBILAN) REGULATIONS 2015



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR
(KADAR PERKHIDMATAN BEKALAN AIR) (NEGERI SEMBILAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 84(2)(a) dan 179(i) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kadar Perkhidmatan Bekalan Air) (Negeri Sembilan) 2015**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Mei 2015.

Kadar perkhidmatan bekalan air

2. Kadar perkhidmatan bekalan air bagi Negeri Sembilan hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual.

JADUAL

<i>Jenis penggunaan</i>	<i>Jumlah penggunaan</i>	<i>Kadar setiap satu meter padu (RM)</i>	<i>Kadar minimum (setiap bulan) (RM)</i>
1. Domestik	(a) 0 hingga 20 meter padu	0.55	5.00
	(b) melebihi 20 hingga 35 meter padu	0.85	
	(c) melebihi 35 meter padu	1.40	

<i>Jenis penggunaan</i>	<i>Jumlah penggunaan</i>	<i>Kadar setiap satu meter padu (RM)</i>	<i>Kadar minimum (setiap bulan) (RM)</i>
2. Perdagangan dan perindustrian	(a) 0 hingga 35 meter padu	1.85	15.00
	(b) melebihi 35 meter padu	2.70	
3. Bangunan kerajaan, institusi kerajaan, institusi berkanun dan bangunan badan berkanun	kadar rata	1.40	10.00
4. Institusi keagamaan dan badan kebajikan di bawah pengawasan dan kawalan kerajaan	kadar rata	0.20	3.00
5. Kolam renang	kadar rata	1.30	15.00
6. Perkebunan/ Penternakan haiwan/Estet	kadar rata	1.30	15.00
7. Bekalan secara pukal/Tangki/ Bekalan air sementara (kecuali bangunan kerajaan)	kadar rata	1.40	30.00
8. Perkapalan	kadar rata	7.00	50.00
9. Perusahaan memproses semula air	kadar rata	7.00	50.00